

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(I)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN DALAM  
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

14. Pekan Butterworth sekali lagi menjadi Pusat Bandaraya yang mampan dan mampu dihuni dengan pelbagai program peremajaan setempat oleh Kerajaan Negeri, MBSP dengan kerjasama ThinkCity.
- (a) Sila senaraikan program, projek, yang dijalankan dan kosnya dari tahun 2013.
  - (b) Wajarkah harga hartanah di Butterworth, dikawal untuk mengekalkan sifat *liveable city*-nya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. (a) Butterworth Fringe Festival adalah program yang telah diadakan semenjak tahun 2015 sebagai titik tolak kepada program peremajaan setempat oleh Kerajaan Negeri, MBSP dengan kerjasama ThinkCity. Bermula dari situ sebanyak 54 buah program dan projek telah diadakan di Butterworth seperti *Butterworth Discovery Walk*, *Butterworth Fun Ride*, *I Love Penang Run-Seberang Perai* dan lain-lain. Senarai program dan projek yang dijalankan dan kosnya dari tahun 2013 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Harga hartanah di Butterworth adalah tidak dikawal kerana tiada peruntukan undang-undang khas mengenai kawalan harga hartanah di Butterworth. Harga hartanah adalah ditentukan oleh mekanisma permintaan dan penawaran di dalam sesebuah pasaran hartanah. Harga sesuatu hartanah juga hanyalah salah satu faktor dalam menarik penduduk untuk tinggal di sesebuah bandar dan menjadikannya *liveable*. Faktor-faktor lain seperti kemudahan infrastruktur, peluang pekerjaan, kebolehsampaian kepada kemudahan-kemudahan, tahap pencemaran, kadar sewaan hartanah dan lain-lain faktor turut memainkan peranan di dalam menentukan sama ada sesebuah bandar itu *liveable*. Faktor-faktor tersebut juga perlu diberikan perhatian ke arah pengekalan sifat *liveable* sesebuah bandar termasuk bandar Butterworth.

**LAMPIRAN A****SENARAI PROJEK/PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN  
DI BANDAR BUTTERWORTH**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK / PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>KOS TERLIBAT</b>	<b>SUMBER PEMBIAYAAN</b>
1.	Butterworth Fringe Festival	2015	RM 400,000.00	MBSP
2.	Butterworth Discovery Walk 1.0	2016	RM 9,000.00	Think City
3.	Star Sanctuary Seberang Perai Photography Awards 2016	2016	Projek CSR	Star Sanctuary Sdn Bhd
4.	Butterworth Run 2016	2016	RM 9,500.00	Think City
5.	Butterworth Fringe Festival 2016	2016	RM 400,000.00	Think City
6.	Fun Ride D' Bagan 1.0	2016	RM 10,000.00	MBSP & Think City
7.	Butterworth Discovery Walk 2.0	2016	RM 8,000.00	MBSP & Think City
8.	Pocket Park Lebu Kampung Benggali	2017	RM 300,000.00	Think City
9.	Rain Garden Jalan Jeti Lama	2017	RM 343,918.00	Kerajaan Negeri Pulau Pinang & Think City

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK / PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>KOS TERLIBAT</b>	<b>SUMBER PEMBIAYAAN</b>
10.	Lukisan Mural Kolam Renang Lebuah Kampung Benggali	2017	RM 33,000.00	Think City
11.	Giant Mural di PPR Tun Dr Awang	2017	RM 75,000.00	Think City
12.	Butterworth Discovery Walk 3.0	2017	RM 5,300.00	Think City
13.	Star Sanctuary Seberang Perai Photography Awards 2017 (SSSPP 2017)	2017	Projek CSR	Star Sanctuary Sdn Bhd
14.	I Love Penang Run	2017	-	Kerajaan Negeri Pulau Pinang
15.	PAC X Channel All Night Walk	2017	RM 3,000.00	MBSP & Think City
16.	Butterworth Fringe Festival 2017	2017	RM 400,000.00	MBSP
17.	Butterworth Bike	2017	RM 7,000.00	Think City
18.	Butterworth Fun Ride 2.0	2018	RM 8,000.00	MBSP & Think City
19.	Butterworth Purple Heritage Walk	2018	RM 7,000.00	MBSP, Think City
20.	I Love Penang Run - Seberang Perai 2018	2018	-	Kerajaan Negeri Pulau Pinang

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK / PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>KOS TERLIBAT</b>	<b>SUMBER PEMBIAYAAN</b>
21.	Perayaan Sungai Perai @ Taman Kimsar	2018	RM 10,000.00	MBSP & Think City
22.	Province Wellesley Run (PWR) 2018	2018	RM 3,000.00	MBSP
23.	Sungai Perai Nature Walk	2018	RM 9,500.00	MBSP
24.	World Clean Up Day	2018	RM 4,000.00	MBSP
25.	Festival Sungai Perai @ Taman Ampang Jajar	2018	RM 25,000.00	MBSP & Think City
26.	Temasya Bagan – Gemilang Butterworth	2018	RM 5,000.00	MBSP
27.	Temasya Deepavali	2018	RM 5,000.00	MBSP
28.	Butterworth Fringe Festival 2018	2018	RM 400,000.00	MBSP
29.	Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2018 (ASPP Awards 2018)	2018	Projek CSR	Spirit of Perai
30.	Temasya Bagan – Retro Ria	2018	RM 5,000.00	MBSP
31.	The Path Of Penang Hot Air Balloon Fiesta 2019	2018	RM 3,000.00	MBSP
32.	Butterworth Digital Library Lebuah Kampung Benggali	2019	RM 6,500,000.00	Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MBSP dan Think City

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK / PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>KOS TERLIBAT</b>	<b>SUMBER PEMBIAYAAN</b>
33.	Art Installation di Taman Bandar Ampang Jajar	2019	RM 49,500.00	MBSP
34.	Temasya Back to School	2019	RM 5,500.00	MBSP
35.	Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2019 (ASPP Awards 2019)	2019	Projek CSR	Star Sanctuary Sdn Bhd
36.	Temasya Gong Xi Fa Cai	2019	RM 6,000.00	MBSP
37.	Temasya Wanita	2019	RM 5,500.00	MBSP
38.	Hari Terbuka Bersama Komuniti Bagan Dalam	2019	RM 8,000.00	MBSP & Think City
39.	Butterworth Fun Ride 3.0	2019	RM 6,000.00	MBSP
40.	Karnival Kayak Sungai Perai	2019	RM 9,000.00	MBSP
41.	RM2 Mini Food Festival - Penang International Food Feast (PIFF)	2019	-	Kerajaan Negeri Pulau Pinang
42.	Temasya Alam	2019	RM 6,000.00	MBSP
43.	Jom Anak Pulau Pinang Fun Walk / Run 2019	2019	RM 1,500.00	MBSP
44.	Temasya Syawal	2019	RM 5,800.00	MBSP
45.	Temasya Warisan	2019	RM 6,000.00	MBSP

<b>BIL.</b>	<b>NAMA PROJEK / PROGRAM</b>	<b>TARIKH</b>	<b>KOS TERLIBAT</b>	<b>SUMBER PEMBIAYAAN</b>
46.	Province Wellesley Run	2019	RM 3,500.00	MBSP
47.	Temasya Merdeka	2019	RM 5,500.00	MBSP
48.	Butterworth Fun Walk 2019	2019	RM 4,500.00	MBSP
49.	Temasya Bandaraya	2019	RM 5,400.00	MBSP
50.	Festival Sungai Perai 2019	2019	RM 9,800.00	MBSP
51.	I Love Penang Run – Seberang Perai 2019	2019	-	Kerajaan Negeri Pulau Pinang
52.	Temasya Belia	2019	RM 4,700.00	MBSP
53.	Best of Temasya 2019	2019	RM 5,200.00	MBSP
54.	Butterworth Fringe Festival 2019	2019	RM 400,000.00	MBSP